

17 JUN 2004

Mahathir-Musuh

PEGAWAI KERAJAAN DIMINTA TIDAK BERMUSUH DENGAN SEKTOR SWASTA

LANGKAWI, 17 Jun (Bernama) -- Pegawai kerajaan disaran tidak bermusuh dengan sektor swasta kerana pendapatan yang diperoleh kerajaan daripada keuntungan sektor berkenaan merupakan satu bentuk perniagaan terbaik, kata Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Bekas Perdana Menteri itu berkata hubungan baik dan kerjasama erat antara kedua-dua pihak harus dipupuk kerana sektor swasta berperanan dalam memperkaya dan menambah pendapatan kerajaan bagi membangunkan negara.

"Pegawai kerajaan tidak harus bermusuh dengan sektor swasta tetapi anggaplah mereka sebagai kawan kerana jika kita tolong mereka, kita sebenarnya tolong diri kita," katanya pada majlis perasmian Dialog 2010 di Langkawi Lagoon Resort di sini.

Dialog sehari anjuran kerajaan negeri itu dihadiri Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, tokoh korporat, pemimpin kerajaan, ketua jabatan dan pegawai tinggi kerajaan peringkat persekutuan dan negeri serta syarikat swasta.

Dr Mahathir berkata 28 peratus daripada keuntungan sektor swasta dimiliki kerajaan menerusi cukai korporat dan pendapatan itu digunakan untuk membayar gaji pegawai serta membangunkan negara.

"Ini menjadikan seolah-olah kerajaan memiliki saham dalam sektor swasta tanpa perlu melabur satu sen pun. Ini merupakan perniagaan terbaik dan sektor swasta bekerja untuk kerajaan," katanya.

Beliau berkata pegawai kerajaan seharusnya mempercepatkan proses sesuatu permohonan sektor swasta kerana bagi sektor itu kelambatan merupakan satu kerugian.

"Bagi sektor swasta masa itu wang. Sebab itu kerajaan memperkenalkan langkah fail meja dan manual prosedur pada 1982 bagi mengurangkan kerenah birokrasi," katanya.

Dr Mahathir yang mengharapkan langkah itu dihidupkan semula berkata setiap pegawai kerajaan mesti mengetahui tugas masing-masing

mengikut
peringkat tertentu bagi membolehkan sesuatu permohonan itu diproses
dalam
masa singkat.

Mengenai Pelan Tindakan Kedah Maju 2010, Dr Mahathir berkata ia
boleh
dicapai sekiranya semua pihak memikirkan sumbangan yang boleh diberi
ke
arah mencapai hasrat negeri maju menjelang 2010.

"Peningkatan sumbangan membolehkan Kedah mencapai hasrat itu
manakala
kerajaan negeri mesti proaktif dan agresif dalam menyambut setiap
permohonan sektor swasta," katanya.

Beliau berkata Kedah tidak mempunyai masalah dalam aspek
logistik dan
beberapa projek pembangunan yang dijalankan seperti pelabuhan Pulau
Bunting
di Yan bakal menjana pertumbuhan ekonomi.

Selain pelabuhan, turut dibina ialah jambatan ke pulau itu dan
ia boleh
dijadikan laluan ke Langkawi selain menjana ekonomi kawasan
perindustrian
berdekatan seperti Gurun yang memiliki kilang baja, motosikal, besi
dan
kereta, katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan negeri juga disaran menggunakan
strategi
"bekal dahulu dan wujudkan permintaan kemudian" kerana pendekatan
melabur
dalam bidang tertentu akan membolehkan bonus diperoleh daripadanya.

"Kita sediakan kemudahan seperti lebuhraya, pelabuhan dan
sebagainya
kerana daripada semua itu akan akan menjana pertumbuhan ekonomi
apabila
wujudnya pelbagai pembangunan seperti bandar-bandar baru dan
sebagainya,"
katanya.

-- BERNAMA
MAN KHY LAT